



## UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN AKADEMIK GRED 45 HINGGA VK7

- 1
  - a) Pegawai dalam percubaan yang telah memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang boleh ditentukan oleh pihak UKM, adalah layak bagi pengesahan dalam perkhidmatannya.
  - b) Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan kepada Jabatan Pendaftar perakuan dalam borang Pengesahan Dalam Perkhidmatan pegawai dalam tempoh satu bulan dari tarikh pegawai itu didapati layak untuk pengesahan.
  - c) Jika Ketua Jabatan gagal mengemukakan perakuan bagi pengesahan pegawai mengikut perkara (b) pegawai berkenaan boleh memohon kepada Jabatan Pendaftar untuk disahkan dan salinan permohonan itu perlu dihantar kepada Ketua Jabatan.
  - d) Setelah menerima permohonan di bawah perkara (c), permohonan akan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Dalam Perkhidmatan
- 2 Lulus Peperiksaan Am Kerajaan Perkhidmatan atau hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan;
- 3 Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- 4 Lulus dengan kepujian Bahasa Malaysia termasuk lulus Ujian Lisan di peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 5 Seorang pendidik yang memuaskan;
- 6 Penerbitan :
  - a) Dua (2) karya (*perseorangan atau bersama*) yang diterbitkan dalam **jurnal** yang diadakan dan
  - b) satu (1) karya (*perseorangan atau bersama*) yang diterbitkan dalam **pascasidang**;

**\*\***Satu (1) karya (Perseorangan atau bersama) yang diterbitkan dalam pascasidang boleh ditukar kepada membentang kertas di persidangan peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

(Petikan LPU Bil. 3/2008 bertarikh 5 Jun 2008)

- Penerbitan dalam **jurnal** atau **pasca sidang** boleh diganti dengan penerbitan buku peringkat universiti (*asli atau terjemahan*). Semua buku yang dikemukakan mestilah diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf dan diperakukan oleh fakulti serta penerbit yang mempunyai reputasi ;
  - Laporan Teknik yang diadakan dan Kajian Kes boleh juga dipertimbangkan ;
  - Penerbitan dalam *bentuk web/on line* tertakluk :
    - ✓ Jurnal tersebut hendaklah mempunyai ciri-ciri jurnal biasa iaitu mempunyai judul, lembaga pengarang, sistem penilaian dan dikeluarkan dalam bentuk berjilid; dan
    - ✓ Dikemukakan dalam bentuk *hardcopy* kepada Jawatankuasa untuk dinilai.
- 7 Sekurang-kurangnya satu penyelidikan yang didaftarkan dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM).

**Telah menghadiri 2 kursus berikut :**

- **Kursus Pengajaran dan Pembelajaran Efektif di IPT**
- **Kursus Asas Penyelidikan & Penerbitan**

(Petikan LPU Bil. 37/2009 bertarikh 9 April 2009)